

BANK ISLAM TUTUP SEMENTARA CAWANGAN LAHAD DATU

Proses sanitasi dan pembersihan di cawangan dijalankan secara menyeluruh bagi melindungi kesejahteraan pelanggan dan kakitangan

KUALA LUMPUR, Ahad, 11 Oktober 2020: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") menutup sementara Cawangan Lahad Datu di Sabah, termasuk terminal layan diri berkuat kuasa serta-merta sehingga diberitahu kelak. Penutupan cawangan ini adalah sebahagian daripada langkah berjaga-jaga yang diambil setelah seorang kakitangan didapati positif COVID-19. Kakitangan tersebut kini sedang menjalani rawatan di hospital kerajaan.

Kakitangan terbabit dan anggota keluarga terdekatnya telah menjalani tempoh kuarantin rumah sejak 28 September 2020 setelah melakukan perjalanan ke Tawau baru-baru ini. Langkah itu diambil sesuai dengan garis panduan keselamatan dan kesihatan Bank Islam mengenai COVID-19.

Bank Islam sedang menjalankan proses sanitasi dan pembersihan di cawangan berkenaan secara menyeluruh, termasuk ruang-ruang kemudahan umum. Bank juga telah melakukan langkah penjejakan kontak rapat untuk mengenal pasti dan memaklumkan kepada individu yang mempunyai hubungan langsung dengan kakitangan terbabit serta menasihati mereka supaya menjalani saringan kesihatan dan kuarantin di rumah.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Bank Islam ingin memberi jaminan kepada kakitangan dan pelanggannya bahawa keselamatan dan kesihatan mereka menjadi keutamaan, dan Bank sedang mengambil langkah-langkah pencegahan yang ketat untuk menangani penularan wabak ini. Kami mempunyai pelan kesinambungan perniagaan yang baik untuk memastikan operasi tidak terjejas oleh keadaan ini. Pihak Bank telah mengambil langkah-langkah sewajarnya serta meningkatkan lagi kesedaran dengan lebih kerap sejak penularan wabak ini. Kami akan terus memantau situasi dan komited untuk terus melakukan tindakan pencegahan sehingga vaksin ditemukan".

"Saya juga ingin menekankan kepada semua pelanggan bahawa kesemua premis kami berada dalam keadaan bersih dan selamat setelah kerja-kerja sanitasi dijalankan. Sebarang kesulitan yang timbul susulan langkah-langkah yang dilaksanakan ini amat kami kesali," tambah beliau.

Sementara itu, Bank Islam mengalakkan pelanggan untuk menggunakan platform perkhidmatan perbankan digital, termasuk aplikasi mudah alih GO by Bank Islam atau Perbankan Internet Bank Islam (<https://www.bankislam.biz>). Mengambil maklum akan situasi semasa di Sabah, Bank juga akan mengecualikan caj pengeluaran tunai di mesin MEPS supaya pelanggan bebas melakukan pengeluaran di mana-mana mesin ATM yang berdekatan dengan mereka sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Bersasar (TEMCO) ini. Pelanggan juga dinasihatkan agar merujuk platform media sosial kami untuk sebarang perkembangan terkini.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari www.bankislam.com.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com
--	--